

Sepuluh Tahun Sabah dalam Malaysia: Satu Analisis Akhbar Tempatan

Abd. Latif Lai Abdullah & Haryati Abd. Karim

Kertas kerja ini merupakan satu usaha awal untuk menilai ataupun menganalisis sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh akhbar tempatan dalam 10 tahun pertama (1964-1974) pembentukan Malaysia. Analisis dilakukan terhadap berita-berita muka depan akhbar Daily Express dan Kinabalu Sabah Times (The New Sabah Times). Dapatan kajian menunjukkan bahawa akhbar tempatan tidak berjaya memainkan peranan merapatkan hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Apa yang berlaku, akhbar tempatan lebih mengutamakan berita politik antarabangsa serta berita sosial tempatan.

Pendahuluan

Andaian ataupun tanggapan umum tentang akhbar di Malaysia ialah ianya berperanan sebagai medium untuk membantu pembangunan Negara. Pembangunan Negara dalam konteks ini bukan sahaja melihat kepada pembangunan fizikal tetapi juga kepada pembangunan pemikiran rakyatnya. Dalam konteks masyarakat demokrasi khususnya, akhbar berperanan sebagai medium penampung penyertaan masyarakat dalam menentukan hala tuju sesebuah Negara.

Menurut Denis McQuail (1994), media-massa termasuk akhbar memainkan lima peranan utama dalam masyarakat iaitu menyebarkan maklumat, memainkan peranan korelasi dengan memberi penjelasan kepada orang ramai tentang sesuatu isu penting, jentera penggerak sosial, hiburan dan juga memastikan nilai-nilai dan budaya hidup yang dipegang dikekalkan.

Selain itu, media-massa di Malaysia bergerak mengikut aliran pemikiran fungsionalisme yang berpendapat media-massa termasuk akhbar merupakan salah satu komponen penting dalam sistem sosial masyarakat. Jika akhbar tidak memainkan peranannya maka ia akan menyebabkan sistem sosial yang ada menjadi kucar-kacir.

Antara fungsi utama media mengikut pandangan ini ialah media-massa berfungsi untuk mengintegrasikan masyarakat, mengekalkan kestabilan sosio-politik dan membantu mengawal ketenteraman. (McQuail,1995).

Persoalannya adakah perkara-perkara yang tersebut di atas dapat dilihat dalam konteks di awal penyertaan Sabah dalam Malaysia? Adakah akhbar tempatan di Sabah memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur?

Sorotan Literatur

Adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa agak kurang penyelidikan yang dilakukan dalam hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur dari aspek peranan yang dimainkan oleh media. Hakikat ini diakui oleh Mohd. Sohaimi Esa (2001) yang mengatakan bahawa;

“Proses pembentukan persekutuan Malaysia sangat penting dalam konteks sejarah negara ini. Justeru itu, tidak hairanlah jika terdapat banyak kajian yang telah dibuat oleh sejarahwan dari pelbagai perspektif bagaimanapun belum ada kajian yang dibuat tentang pembentukan Persekutuan Malaysia dari perspektif media” (hlmn. 1).

Kenyataan tersebut mendorong Sohaimi Esa (2001) melakukan satu penyelidikan tentang proses pembentukan Malaysia dengan meninjau reaksi awal Sabah terhadap gagasan tersebut dengan menggunakan media sebagai bahan kajian. Beliau menggunakan akhbar The North Borneo News and Sabah Times (NBNST). Skop kajian bermula dari tarikh pengumuman gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman iaitu pada 27 Mei 1961 sehingga bulan Disember 1961. Justifikasi Sohaimi (2001) menggunakan skop tersebut ialah untuk menilai reaksi awal penduduk Sabah terhadap gagasan Malaysia.

Beliau menyimpulkan kajiannya dengan menyatakan;

“Sesungguhnya akibat NBNST sangat penting sebagai sumber primer yang membuat laporan dan ulasan tentang penubuhan Malaysia dari perspektif media tempatan. Akhbar ini bertanggungjawab membangkitkan dan memupuk semangat nasionalisme dan patriotisme di kalangan penduduk Sabah tanpa mengira kaum. Malah lebih penting lagi akhbar ini menyusuri perjalanan peristiwa dari satu tahap ke satu tahap berkaitan “Mighty Malaysia”. Justeru itu, sebahagian besar penduduk negeri ini semakin jelas konsep Malaysia, serta ia begitu penting sebelum diadakan Suruhanjaya Cobbold pada awal tahun 1962” (hlmn. 12).

Walaupun Sohaimi Esa (2001), mengakui peranan akhbar dalam membentuk kefahaman penduduk Borneo Utara (Sabah), terhadap konsep Malaysia, tetapi penulis berpendapat terdapat beberapa skop latihan beliau yang memerlukan penelitian lanjut.

Pertama, dari aspek skop kajian. Tempoh masa kajian beliau terhad kepada 6 bulan sahaja bermula Mei – Disember 1961. Kedua, dari skop akhbar yang diteliti, beliau hanya menumpukan kepada sebuah akhbar sahaja. Ketiga, tujuan kajian beliau hanya untuk menilai reaksi awal penduduk Borneo Utara (Sabah) terhadap gagasan Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini nantinya akan cuba memperluaskan lagi skop kajian Sohaimi Esa (2001). Pertama, skop masa. Kajian ini akan mengambil skop masa selama 10 tahun yang pertama penubuhan Malaysia. Kedua, kajian ini akan menumpukan kepada dua buah akhbar berbanding hanya satu oleh Sohaimi (2001). Ketiga, tujuan kajian bukan lagi menilai reaksi penduduk Sabah secara langsung, tetapi akan lebih menekankan kepada peranan akhbar dalam membentuk sesebuah Malaysia yang bersatu.

Kaedah Kajian

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut dia atas, satu analisis terhadap dua akhbar tempatan utama di Sabah telah dilakukan. Akhbar-akhbar tersebut ialah Daily Express dan Kinabalu Sabah Times, dan kini dikenali sebagai The New Sabah Times. Kajian awal ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan merupakan satu-satunya kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menilai <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/7.pdf>

kandungan dan arah aliran sesuatu perkara dalam media massa. (Berelson 1952, Deacon et. al 1999, Hansen et. al 1998).

Analisis hanya ditumpukan kepada muka depan akhbar. Bahagian ini dipilih kerana ianya menggambarkan bukan sahaja kepentingan sesuatu berita tetapi juga mencerminkan pandangan ataupun orientasi akhbar tersebut. Jangka masa yang dipilih ialah selama sepuluh tahun, bermula tahun 1964 sehingga 1974. Period ini dipilih berdasarkan andaian bahawa sepuluh tahun pertama penyertaan Sabah dalam Malaysia merupakan jarak masa yang cukup penting dalam pembinaan hubungan Kota Kinabalu (Jesselton) – Kuala Lumpur.

Penganalisaan melihat kepada dua angkubah utama. Pertama, jenis dan lokasi berita ataupun 'angle' berita. Kedua, sumber berita dan tahun. Kenapa hanya dua angkubah ini? Pertama, dengan menganalisa jenis dan lokasi berita, kita akan dapat mengetahui apakah isu-isu yang dimainkan oleh media, manakala lokasi dan 'angle' berita dapat memberitahu tentang hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Premisnya mudah, kalau akhbar banyak atau kerap menyiarkan berita-berita bersifat nasional ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa akhbar tempatan Sabah 'bertindak' untuk merapatkan jurang fizikal yang jauh antara Semenanjung-Sabah dengan menyuakan pembaca dengan isu-isu yang bersifat nasional. Kedua, angkubah sumber berita dan tahun akan memberikan gambaran tentang aliran jenis dan 'angle' berita yang disiarkan.

Jenis-jenis Berita

Amalan biasa dalam kaedah analisis kandungan ialah menyediakan terlebih dahulu satu set kategori, (dalam konteks kajian ini – set kategori berita). Walau bagaimanapun, oleh kerana sepanjang pengetahuan penulis, belum ada kajian seumpama ini dilakukan khususnya dalam konteks hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Oleh itu adalah agak sukar untuk mencari satu set kategori yang boleh disandarkan.

Berdasarkan hakikat tersebut, maka penulis menggunakan kaedah apa yang dipanggil sebagai kaedah thematic analysis. Kaedah ini telah digunakan pakai oleh Spicer (1993)

dalam usahanya untuk mencari gambaran media terhadap profesion Perhubungan Awam. Hasilnya Spicer (1993) Berjaya membentuk tujuh kategori gambaran media terhadap perhubungan awam. Kategori tersebut disahkan dalam kajian yang dilakukan oleh Kenan (1996).

Henderson (1998) menggunakan kaedah yang sama seperti Spicer (1993) dalam usahanya untuk membentuk taxonomy perhubungan awam dalam media.

Oleh itu, dalam kajian ini segala artikel dalam muka depan akhbar kajian akan dianalisis dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah mengasingkan berita mengikut sumber dan lokasi pelaporan berita. Peringkat kedua ialah menganalisis kandungan berita untuk menentukan samada berita tersebut bersifat politik, sosial, ekonomi ataupun bersifat campuran politik-ekonomi dan politik-sosial.

Dengan menggunakan kaedah ini, penulis telah dapat mengenal pasti lima jenis/kategori berita dan enam kategori lokasi ataupun sudut pelaporan berita. Kategori yang wujud sememangnya dapat disesuaikan dengan persoalan yang cuba dikaji dari keadaan atau kategori yang wujud sememangnya dapat disesuaikan dengan persoalan yang cuba dikaji dan keadaan atau situasi semasa, lengkap, serta bebas, (Riffe et.al 1998).

Terdapat 5 jenis berita yang telah dikenal pasti;

1. Berita politik – merujuk kepada berita yang berkait dengan isu-isu politik seperti peperangan, polisi kerajaan, berita yang memetik ahli politik.
2. Berita Ekonomi – ekonomi, perjanjian perdagangan, import-eksport, tender, pelaburan, pembukaan pasaran.
3. Berita sosial – Kebajikan, sukan, kesihatan, bencana alam, kesalahan jenayah, kesalahan sivil, lawatan
4. Politik-ekonomi – berita bersifat ekonomi tetapi keseluruhan isinya menceritakan persoalan politik.
5. Sosio-politik – Keseluruhan berita/ artikel merujuk kepada kehidupan ahli politik, lawatan menteri, pembesar Negara, raja-raja dan sultan ke satu-satu tempat. Ucapan menteri, raja-raja dan sultan pula tidak menyentuh dasar-dasar kerajaan.

Lokasi / Sudut Berita

Terdapat enam lokasi ataupun sudut berita yang dikodkan dalam penyelidikan ini;

1. Berita Luar Negeri / Negara – Segala berita luar negeri yang berlaku dan dilaporkan di luar negeri.
2. Berita Dalam Negeri / Kebangsaan – berita-berita yang diterbitkan dalam negeri dan bersifat Kebangsaan, kepentingan cerita itu bersifat menyeluruh. Misalnya pengumuman Rancangan Malaysia oleh Perdana Menteri.
3. Berita tempatan – laporan peristiwa yang berlaku dalam negeri Sabah.
4. Berita tempatan dengan kepentingan kebangsaan – laporan peristiwa yang berlaku di Sabah, tetapi kepentingan ceritanya bersifat kebangsaan. Misalnya, komen Tunku Abd. Rahman tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah yang dilaporkan berlaku di Sabah.
5. Berita Kebangsaan dengan kepentingan tempatan – Laporan yang berlawanan dengan perkara 4 di atas. Laporan peristiwa tersebut berlaku di luar Sabah, tetapi kepentingannya bersifat tempatan.
6. Berita Antarabangsa dengan kepentingan nasional – Laporan peristiwa yang berlaku di luar Negara tetapi kepentingannya bersifat nasional. Misalnya laporan yang merujuk kepada rundingan pelan damai konfrontasi Malaysia-Indonesia yang berlaku di Bangkok.

Sumber Berita

Sumber berita dalam kajian ini merujuk kepada origin atau siapa yang melaporkan berita tersebut. Dalam kertas kerja ini, sumber berita merujuk kepada 4 jenis sumber utama;

1. Agensi Berita Asing – berita yang dilaporkan dalam akhbar dipetik terus dari agensi berita asing.
2. Bernama – agensi berita kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1967.
3. Tempatan – peristiwa yan dilaporkan oleh wartawan ataupun koresponden akhbar tersebut.
4. Agensi Berita Asing dan Bernama – laporan peristiwa oleh agensi berita asing dan Bernama tetapi diolah semula oleh akhbar tempatan.

Penemuan

Perbincangan seterusnya akan tertumpu kepada perbincangan hasil penemuan kajian. Perlu ditekankan disini, pendekatan perbincangan dalam kertas kerja ini berorientasikan disiplin pengkajian media. Oleh itu persoalan-persoalan berkenaan fakta sejarah tidak akan disentuh.

Jadual 1: Peratusan berita yang dilaporkan di muka depan akhbar, 1964-1974

Jenis Berita	DE (n=276)	KST (n=507)
Politik	49.6	23.5
Ekonomi	6.5	10.8
Sosial	29.0	45.8
Politik-ekonomi	3.6	5.7
Politik-sosial	11.2	14.2
Jumlah	100	100

DE-Daily Express, KST – Kinabalu Sabah Times

Kedua-dua akhbar dilihat memberikan lebih ruang kepada berita-berita politik dan sosial untuk dimuatkan dimuka depan akhbar. Daily Express memperuntukkan sebanyak 49.6% ruang muka depannya untuk berita politik, manakala Kinabalu Sabah Times memperuntukkan 45.8% untuk berita sosial.

Jadual 2: Peratusan berita politik mengikut lokasi dan sudut berita.

Lokasi/Sudut Berita	DE (n=137)	KST (n=119)
Luar Negara	42	45
Kebangsaan	29	16.8
Tempatan	13	12.6
Berita Tempatan/Kebangsaan	2.9	5
Berita Kebangsaan/Tempatan	2.1	12.6
Luar Negara/Kebangsaan	7.2	7.5
Jumlah	100	100

DE-Daily Express, KST – Kinabalu Sabah Times

Jadual 2 menunjukkan, walaupun berita politik merupakan berita yang paling kerap dijadikan bahan siaran di muka depan akhbar, tetapi sesuatu yang penting untuk diperkatakan ialah 42% (DE) dan 45% (KST) daripada berita politik tersebut merupakan berita luar negara, berbanding hanya 29% (DE) dan 16% (KST) merupakan berita politik dalam negara (kebangsaan). Dari satu aspek, bolehlah dikatakan kedua-dua akhbar begitu tidak menyokong perbincangan politik dalam Negara sekalipun memperuntukkan 29% dan 16.8% daripada ruang depannya kepada berita politik kebangsaan. Jadual 3 yang berikut akan menunjukkan pula agihan berita sosial (Jadual 2) mengikut lokasi dan sudut berita.

Jadual 3: Peratusan berita sosial mengikut lokasi dan sudut berita

Lokasi/Sudut Berita	DE (n=137)	KST (n=119)
Luar Negara	18.7	28.8
Kebangsaan	8.7	7.3
Tempatan	71.2	53
Tempatan/Kebangsaan	1.2	3.8
Kebangsaan/Tempatan	0	5.6
Luar Negara/Kebangsaan	0	1.2
Jumlah	100	100

DE – Daily Express, KST – Kinabalu Sabah Times

Jadual 3 jelas menunjukkan bagaimana Daily Express memperuntukkan 71.25% dan Kinabalu Sabah Times memperuntukkan 53% daripada berita sosial di muka depannya merupakan berita-berita tempatan. Konsep yang mungkin terpakai untuk menjelaskan perkara ini ialah merujuk kepada konsep kedekatan (proximity) yang diamalkan oleh kebanyakan syarikat akhbar dalam menentukan keutamaan berita.

Jadual 1 – 3 jelas menunjukkan, bahawa dalam kita mengharapkan akhbar tempatan seperti Daily Express dan Kinabalu Sabah Times memainkan peranan dalam merapatkan jurang perbezaan antara Kota Kinabalu – Kuala Lumpur, didapati akhbar ini lebih banyak memperuntukkan ruangnya untuk berita-berita politik antarabangsa dan berita-berita sosial tempatan. Terdapat sedikit keanehan yang berlaku di sini. Pertama, akhbar biasanya akan mengamalkan konsep kedekatan (proximity) dalam menentukan keutamaan sesuatu berita, apa yang berlaku ialah konsep ini hanya terpakai kepada berita-berita sosial dan meminggirkan berita-berita politik. Kedua, seandainya dikatakan faktor ekonomi menjadi penghalang untuk mendapatkan berita-berita kebangsaan, ini juga tidak boleh diterima kerana pelanggan berita dari agensi berita asing meninggalkan implikasi kewangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pertemuan ini mengesahkan lagi <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/7.pdf>

penemuan kajian oleh Andrew Szende (1986) yang mendapati bahawa pengarang akhbar di Asia Tenggara lebih cenderung menggunakan berita luar negeri yang dikirimkan oleh agensi berita antarabangsa. (Md. Safar Hashim, 1991, hlm. 4)

Perbincangan

Daripada penemuan di atas, maka berikut ialah beberapa kesimpulan yang boleh dibuat. Pertama, penyertaan Sabah ke dalam persekutuan Malaysia sudah pastilah berkait rapat dengan persoalan politik. Walau bagaimanapun, penemuan kajian menunjukkan sebaliknya. Akhbar tempatan (Daily Express dan Kinabalu Sabah Times) tidak menunjukkan sokongan yang kuat terhadap persoalan ini. Atas sebab yang tidak diketahui, kedua-dua akhbar ini lebih cenderung mengutamakan berita-berita politik antarabangsa yang dilanggan dengan agensi berita antarabangsa berbanding mengutamakan berita-berita politik kebangsaan. Bukan itu sahaja, akhbar-akhbar ini juga cenderung memperuntukkan ruang yang lebih banyak kepada berita-berita sosial yang bersifat tempatan.

Ada pihak yang mungkin menghujahkan bahawa ini adalah kerana akhbar itu sendiri bersifat tempatan, maka adalah wajar bagi mereka (akhbar) memberikan lebih banyak ruang untuk berita-berita tempatan berbanding berita nasional. Persoalannya di sini, bagaimana mungkin akhbar boleh melaksanakan fungsinya untuk mengintegrasikan rakyat jika dia mengamalkan 'dasar tertutup' (mengutamakan berita tempatan) dan berkiblatkan negara luar (mengutamakan berita politik antarabangsa).

Kesimpulan kedua merujuk kepada persoalan, siapa yang peduli seandainya akhbar-akhbar tempatan ini memaparkan berita-berita politik kebangsaan ataupun tidak. Sama ada banyak ataupun tidak itu bukan persoalannya kerana kesan media massa terhadap pembaca masih boleh dipersoalkan. Memang benar, terdapat beberapa aliran pemikiran yang mengatakan tentang keberkesanan media massa. Walau apapun penghujahannya, adalah keterlaluan untuk menolak terus premis media massa mampu meninggalkan kesan kepada pembacanya. DeFluer & Ball Rokeach (1989) menyatakan;

“The media present new words for public consumption, amplify the meaning of existing words, suggest new meanings for existing symbols, and reinforce the culturally understood meaning of many words”

Seandainya, benar apa yang dikatakan oleh DeFluer & Ball Rokeach (1989) di atas, maka tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa akhbar tempatan di Sabah, gagal memainkan peranan yang penting dalam merapatkan jurang perbezaan antara Sabah-Kuala Lumpur. Pembaca akhbar di Sabah, khususnya di awal tahun 60-an lebih banyak disogokkan dengan berita-berita pergolakan politik dunia, diakhir tahun 60-an dan awal 70-an pula dihidangkan dengan berita-berita sosial tempatan. Penulis berpendapat tempoh sepuluh tahun yang pertama itu adalah satu tempoh yang cukup kritikal dalam meletakkan batu asas yang kukuh dalam hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Dari perspektif media, wujud semacam satu kelompongan dalam peranan akhbar di Sabah. Kelompongan tersebut ialah berita-berita nasional. Akibatnya, tidaklah keterlaluan untuk mengatakan rakyat Sabah kurang mengetahui isu-isu diperingkat nasional. Dalam keadaan jarak geografi yang jauh (dipisahkan sejauh 500 batu), akhbar sepatutnya menjadi ‘jambatan’ untuk ‘mendekatkan’ kedua-dua wilayah yang dipisahkan oleh Laut China Selatan ini.

Perbincangan tersebut membawa kita kepada kesimpulan yang seterusnya. Kelompongan isu-isu nasional itu tersebut seakan-akan dapat diisi oleh kewujudan BERNAMA. Md.Safar Hashim (1991), menyatakan ‘apabila Bernama memulakan perkhidmatannya, dalam tahun 1968, hubungan dengan Sabah dan Sarawak dibuat bukan berdasarkan pertimbangan ekonomi, tetapi politik, iaitu untuk tujuan menyatupadukan negara’ (hlm. 28). Dari satu aspek, BERNAMA dilihat Berjaya mengatasi dominasi agensi berita asing dalam membekalkan berita dalam dan luar Negara kepada akhbar di Sabah. Ini dapat dilihat apabila kadar penurunan bilangan berita dari agensi asing, berkadar dengan peningkatan bilangan berita dari BERNAMA khususnya diawal-awal tahun 70-an.

Walau bagaimanapun, orientasi editor akhbar tempatan dalam menentukan keutamaan berita masih tidak banyak berubah. Pengurangan kepada agensi berita asing digantikan dengan peningkatan ruang untuk berita tempatan yang bersifat sosial. Dengan erti kata lain, kewujudan BERNAMA juga gagal mempengaruhi kecenderungan <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/7.pdf>

akhbar tempatan untuk mengutamakan berita kebangsaan. Ini secara tidak langsung, matlamat unggul BERNAMA untuk membina perpaduan kebangsaan tidak tercapai.

Akhbar tempatan di Sabah seharusnya sedar akan kepentingan kewujudannya. Akhbar tidak wujud sebagai entiti yang berbeza/terasing dari persekitarannya. Mahu atau tidak ia perlu menyatakan pendirian yang jelas tentang isu-isu yang berlaku di sekelilingnya. Dalam konteks ini, akhbar tempatan di Sabah seharusnya memainkan dua peranan utama. Sekalipun ianya bersifat tempatan, tetapi dalam masa yang sama ia harus memberikan lebih keutamaan kepada berita nasional. Rasionalnya, pembaca akhbar di Sabah yang membaca berita nasional boleh merasakan yang ia juga sebenarnya rakyat Malaysia. Sebagai contoh dalam tempoh konfrontasi Indonesia-malaysia, kenyataan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman tentang jaminan keselamatan rakyat Sabah merupakan satu kenyataan yang cukup penting. Malangnya kenyataan ini bukanlah berita utama di muka depan akhbar (Kinabalu Sabah Times). Dalam masa yang sama, Daily Express menjadikan kenyataan Tunku Abd. Rahman tentang hubungan Filipina dan Malaysia sebagai berita utama. Kedua-dua isu ini merupakan contoh tentang bagaimana media seharusnya memainkan peranan untuk memberitahu rakyat. Tetapi ini hanya berlaku sekali sahaja dalam tempoh kajian, selebihnya berita sosial dan politik luar lebih diutamakan.

Kesimpulan

Kajian yang merangkumi tempoh masa 10 tahun ini merupakan satu usaha awal untuk melihat peranan akhbar tempatan di Sabah. Di awal kajian, penulis beranggapan akhbar tempatan ini akan memberikan lebih banyak tumpuan kepada persoalan penyertaan Sabah dalam Malaysia dan hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun agak mengejutkan apabila dapatan kajian menunjukkan perkara sebaliknya. Oleh itu, penulis menjangkakan selepas tahun 1974, keadaan masih tidak banyak berubah. Akhbar tempatan akan berterusan mengamalkan 'dasar tertutup' iaitu mengutamakan berita tempatan berbanding berita yang bersifat kebangsaan.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini, bahawa kajian ini hanya menganalisis berita-berita dimuka depan sahaja. Oleh itu, penulis berharap agar perbincangan dalam kertas ini tidak digeneralisasikan sebagai analisis berita yang komprehensif.

Rujukan

- Berelson, B., *Content Analysis in Communication Research*, Free Press. Glencoe, 1952
- Deacon, Davit et.al., *Researching Communications*, Arnold. London, 1999
- DeFleur, M.L & Ball-Rokeach, S., *Theories of Mass Communication* (5th ed), Longman. New York, 1989
- Hansen, Anders et.al., *Mass Communication Research Method*, MacMillan Press. London, 1998
- Henderson, Julia K., *Negative Connotations in the use of the Term Public Relations in print media*, *Public Relations Review*, 24 (1), 45-54, 1998
- Keenan, Kevin L., *Coverage of Public Relations on Network Television News: An Exploratory Census of Content*, paper presented to the Association for Education in Journalism, Anaheim, July 1996.
- McQuail, Dennis., *Mass Communication Theory: An Introduction* (3rd ed), Sage Publication. London, 1994
- McQuail, Dennis., *Media Performance*, Sage Publication. London, 1995
- Mohd. Safar Hashim., *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 1991
- Mohd. Sohaimi Esa., *Reaksi Awal Penduduk Borneo Utara ke atas Penubuhan Malaysia dalam Laporan Akhbar The Borneo News and Sabah Times (Mei-Disember 1961)*, *Jurnal MANU*, bil. No.6, 2001

Spicer, Christopher H., images of Public Relations in the print media, *Journal of Public Relations Research*, 5 (1), 47-61, 1993

Nota: Penulis menganalisis kandungan akhbar Daily Express dan Kinabalu Sabah Times dalam bentuk microfilm, 1964-1974 yang ada dalam koleksi Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephen, Yayasan Sabah.